

## Harga Diri Remaja Terlibat dengan Seks Bebas

*The Self-esteem of Teenagers Who Are Involved in Free Sexual Relations*

Salhah Abdullah<sup>1</sup>, Saedah Abd. Ghani & Sapora Sipon  
Universiti Sains Islam Malaysia

### **Abstrak**

*Kajian kes ini bertujuan meneroka isu seks bebas iaitu berzina yang melibatkan enam remaja pelatih di pusat pemulihan akhlak. Dua persoalan kajian dibina berdasarkan isu ini iaitu; pertama, bagaimana remaja menilai harga diri? Kedua, bagaimana remaja membina harga diri? Data dikumpul secara kualitatif menggunakan temu bual mendalam dan catatan refleksi sendiri. Analisis kandungan dibuat kepada transkripsi temu bual bagi mendapatkan tema, kategori dan subtema. Perisian NVivo 8 digunakan dalam mengurus data kualitatif bagi setiap tema yang ditemui. Dapatan menunjukkan keenam-enam remaja terlibat melakukan seks dengan teman lelaki. Persepsi terhadap harga diri adalah rendah. Remaja gagal memberikan definisi konsep harga diri. Dapatan kajian ini menunjukkan remaja menyedari sayang kepada diri sendiri dan ahli keluarga setelah menjadi pelatih di pusat pemulihan. Nilai-nilai akhlak dan moral seperti sembahyang, hormat menghormati kedua ibu bapa dianggap nilai penting untuk membina harga diri di samping terus belajar mengawal diri dan berdisiplin. Implikasi dan cadangan kajian ini merangkumi peranan institusi keluarga, peranan Kementerian Pelajaran, cadangan terhadap peranan kaunselor, dan Kementerian Wanita, Keluarga dan Pembangunan Masyarakat ke arah pendekatan bersepadu dalam menangani isu remaja terlibat dengan seks bebas. Saranan kajian masa depan juga dibincangkan agar memberi fokus kepada meneroka intervensi pemulihan dan pencegahan psikopendidikan pelbagai dimensi bagi menangani masalah remaja terlibat dengan seks.*

*Kata kunci: seks bebas, zina, nilai moral, harga diri*

### **Abstract**

*This case study aims to explore the issue free sex which is adultery and involved six teenagers who are the inmate at rehabilitation centre. Two research questions were based on the issues; first is how teens assess self esteem? Second is how the teenagers develop their self-esteem? Qualitative Data collected by using in-depth interviews and self-reflection*

<sup>1</sup> Corresponding author : Salhah Abdullah, Faculty of Leadership and Management, Universiti Sains Islam Malaysia, e-mail : salhah@usim.edu.my

*statements are used. Content analysis based on transcription of interviews to determine the themes, categories and subteam. NVivo 8 software used in managing qualitative data for each of the themes found. The result shows all six teenagers involved in sex before marriage with their boyfriends. The perception of self esteem was low. Teenagers failed to give an accurate definition for the concept of self-esteem. The findings of this study showed that teenagers are aware of love to themselves and family members after becoming trainees in rehabilitation centre. Moral values such as prayer, respecting parents are considered a significant value to build self esteem as well as continue to learn self control and discipline. Implications and recommendations this study covers the role of the family institution, the role of the Ministry of education, theories and suggestions for the role of Counsellors, and Ministry of Women, Family and Community Development to integrate the approach of handling the issues of adolescents involve with free sex. Recommendations for future research are discussed in order to focus on exploring the recovery and preventive intervention psychoeducation in various dimensions to address the problem of youth involved in the sex before marriage.*

*Keywords : free sex, adultery, moral values, self-esteem*

## PENGENALAN

Remaja terlibat dengan seks menunjukkan amaran kecemasan yang menggambarkan keruntuhan akhlak dan moral remaja. Kenyataan Star pada 22 September 2012 yang memaparkan peningkatan data remaja hamil pada usia antara umur 10 hingga 19 pada setiap tahun. Menurut Dr. Mohamad Farouk (Star, 2012) di Hospital Tengku Rahimah, Kelang 14% daripada 12,000 bayi yang lahir melibatkan remaja tidak berkahwin. Fenomena isu remaja ini menggambarkan satu kelahiran melibatkan remaja pada setiap hari dan paling ramai hingga 14 orang sehari. Kementerian Kesihatan merekodkan 18,652 remaja yang melahirkan anak di bawah umur 19 tahun pada tahun 2011 berbanding sebanyak 5,962 pada tahun 2010. Remaja yang hamil pada usia muda mengalami risiko komplikasi dan dua kali ganda berisiko mati kerana mengalami masalah komplikasi semasa melahirkan anak (Star, 2012).

Istilah remaja terlibat dengan seks bebas diguna pakai kerana media dan kajian lalu juga merujuk kepada istilah seks bebas dalam membincangkan kes remaja terlibat dengan seks pada usia muda yang belum berkahwin. Remaja yang tinggal di Taman Seri Puteri (TSP) ialah pelatih yang ada di antara mereka mengaku terlibat dengan seks bebas. Remaja yang menjalani program pemulihan akhlak di bawah pengurusan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM). Akta Kanak-kanak 2001 (Akta 611) mentakrifkan

dengan istilah “kanak-kanak” bagi seseorang yang bawah umur 18 tahun diguna pakai sebagai istilah remaja perempuan dalam kajian ini.

Remaja perempuan juga terdedah kepada hubungan seks sama ada akibat hubungan sumbang mahram dengan orang yang dikenali. Penganalisis jenayah, Kamal Affendi (2010) melaporkan kes rogol yang melibatkan kanak-kanak bawah 16 tahun yang paling tinggi ialah antara Januari 2009 hingga Januari 2010. Pada Januari 2009 dilaporkan remaja antara umur 13 hingga 15 tahun seramai 109 kes dan meningkat kepada 122 kes pada Januari 2010. Statistik ini menunjukkan bilangan yang paling tinggi berbanding dengan kedua peringkat umur iaitu antara 10 hingga 12 dan 16 hingga 18 tahun yang terlibat dengan mangsa rogol (sumber Laporan kes Jenayah Bukit Aman hingga Januari 2010). Umur antara 13 hingga 15 tahun ialah pelajar tingkatan satu hingga tingkatan tiga yang terjebak dengan jenayah rogol adalah berisiko tinggi tercicir daripada sistem pendidikan.

Remaja yang terlibat dengan kes rogol akhirnya terdedah kepada aktiviti seks bebas yang pastinya mengalami masalah untuk meneruskan persekolahan kerana ramai dalam kalangan mereka yang ditahan reman untuk siasatan. Di samping itu remaja pada usia yang muda dan aktif dengan seks berisiko tinggi hamil kerana kekerapan melakukan seks (Mudassir et al. (2010). Kajian Jas Laile Suzana (2005) yang melibatkan 115 orang remaja (umur 13 hingga 20 tahun) terhadap aktiviti seksual dari segi kesan budaya seks dalam kalangan remaja. Kajian tersebut juga telah mengenal pasti sebab penglibatan remaja dalam aktiviti seks sebelum berkahwin dan kaitannya dengan tahap keagamaan. Dapatan yang mendapati 79% peserta mengaku agama itu penting dan 96% mengaku percaya kepada Tuhan. Namun, kerana sifat ingin tahu remaja yang tinggi, maka (75%) telah melaporkan bahawa mereka terlibat dengan aktiviti seks sebelum berkahwin iaitu berzina dikaitkan dengan gejala keruntuhan akhlak. Islam mengharamkan zina dan menjatuhkan hukuman yang berat iaitu disebat seratus kali seperti firman Allah SWT :

الرَّائِبَةُ وَالرَّائِي فَاجْلِدُوا كُلَّ وَاحِدٍ مِنْهُمَا مِائَةَ جَلْدَةٍ وَلَا تَأْخُذْكُمْ بِهِمَا رَأْفَةٌ فِي دِينِ اللَّهِ إِنْ كُنْتُمْ تُؤْمِنُونَ بِاللَّهِ وَالْيَوْمِ الْآخِرِ وَلَيْشَهِدَ عَذَابَهُمَا طَائِفَةٌ مِنَ الْمُؤْمِنِينَ

Bermaksud : *Penzina perempuan dan penzina lelaki, sebatlah masing-masing keduanya seratus kali, dan janganlah dibelas kasihan kepada keduanya, mencegah kamu untuk menjalankan hukum Allah, jika kamu beriman kepada Allah dan hari*

*kemudian; dan hendaklah pelaksanaan hukuman mereka disaksikan oleh sebahagian orang-orang yang beriman.*

(surah An-Nur : 2)

Oleh itu, tanggungjawab memberi bimbingan kepada remaja supaya menjauhi zina seperti firman Allah SWT :

وَلَا تَقْرُبُوا الزِّنَىٰ إِنَّهُ كَانَ فَاحِشَةً وَسَاءَ سَبِيلًا

Bermaksud : *Dan janganlah kami menghampiri zina. Sesungguhnya zina itu ialah satu perbuatan keji dan satu jalan yang buruk (yang membawa kerosakan).*

(Surah al-Isra': 32)

Kajian Lee et al. (2006) dan Mudassir et al. (2010) telah memberi fokus terhadap kerisauan peramal perubatan yang berkaitan dengan gejala penyakit STIs dan HIV/AIDS kepada remaja terlibat dengan seks sebelum berkahwin atau dengan perkataan lain seks bebas iaitu zina. Kajian yang dijalankan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (1996) juga memberi fokus kepada isu risiko penyakit berjangkit akibat pelakuan seks bebas (Mudassir et al. 2010).

Fenomena remaja terlibat dengan aktiviti seks dan akhirnya dirogol oleh orang yang dikenali seperti kawan rapat atau kekasih telah mendorong Ahrens et al., (2009) mengkaji 103 mangsa penderaan seksual yang terdiri daripada remaja perempuan (umur antara 14 hingga 18 tahun). Kajian kualitatif telah menggunakan soalan temu bual berkait dengan persepsi terhadap sokongan sosial yang diterima. Hasil kajian berkenaan mendapati kaunselor dan rakan sebaya ialah orang yang dianggap memberi sokongan emosi yang tinggi. Sementara teman lelaki atau kekasih () hanya menyumbang secara sederhana dalam memberi bantuan daripada aspek emosi. Di samping itu, teman lelaki juga menunjukkan sumbangan yang tinggi dalam menyalahkan mangsa, mengawal dan menunjukkan tingkah laku egosentrik. Analisis data kualitatif menunjukkan bahawa mangsa menginterpretasi reaksi sosial sebagai membantu proses pemulihan atau membuatkan mangsa berasa lebih diperlukan. Hal ini bermakna, remaja yang terlibat dengan aktiviti seksual dalam kalangan remaja berisiko mengalami kesan psikologi dan merosakkan masa depan mereka. Remaja juga terperangkap dengan fenomena rogol temu janji ganas dan berisiko tinggi menjadikan mangsa dirogol secara berkumupulan (Zurbrigen et al., 2010 ). Justeru, cadangan Djike dan Oatley (2004) iaitu untuk membantu remaja memahami konsep seks secara positif adalah sangat relevan dalam membendung gejala keruntuhan moral. Bimbingan mesti diberikan kepada semua remaja agar dapat memahami makna sebenar tentang cinta dan kasih sayang kepada pasangan kekasih.

Bimbingan ini sangat berguna sebagai proses psikopendidikan dan mengelak daripada berhadapan risiko berlaku hubungan seksual dan juga rogol.

Remaja terlibat dengan seks bebas juga berisiko dirogol oleh orang yang dikenali kerana temu janji ganas dan pergaulan bebas. Remaja yang terlibat dengan aktiviti seks menunjukkan kurangnya kefahaman dan penghayatan nilai moral tanpa berasa malu dan kesal dengan perbuatan yang tidak bermaruah. Remaja perempuan pula tidak menyedari risiko yang akan dihadapi seperti hamil dan mengidap penyakit akibat daripada gaya hidup yang tidak bermoral. Isu keruntuhan akhlak remaja Melayu khususnya isu yang dikaitkan ketagihan dadah, gejala sek rambang, pembuangan bayi, kegilaan yang melampau terhadap muzik moden dan liar (Aswati, 2007). Mohd. Kamal (2008) telah menegaskan bahawa keruntuhan nilai murni terjadi kerana kejahilan masyarakat tentang peri pentingnya akhlak dan tanggungjawab menjaga harga diri dan agama.

Oleh itu, kajian ini juga merujuk kepada kenyataan Ronald dan Foxx (2003) dalam membincangkan konsep antara hormat diri dengan harga diri. Pandangan Ronald dan Foxx (2005) tentang model antara kognitif, afektif dengan kognitif kepada harga diri ini dianggap relevan didekatkan jurangnya dari kedua perspektif falsafah dan psikologi. Walaupun pendirian ahli psikologi melihat harga diri bermula daripada domain afektif yang mempengaruhi domain kognitif dan tingkah laku, namun pemikiran dan perasaan mesti berasaskan kefahaman moral tentang konsep baik dan buruk. Perkara ini berkait secara langsung dengan kedua bidang ilmu psikologi dan falsafah. Konsep harga diri dibincangkan secara meluas oleh ahli psikologi Barat yang terawal membincangkan konsep sendiri dan harga sendiri seperti Rosenberg (1965) dan Coopersmith (1967). Mereka telah memberikan pengertian daripada perspektif penilaian kepada persepsi diri seseorang tentang menilai harga diri.

Salhah dan Ainon (2005) juga menggunakan istilah “estim” dengan merujuk kepada istilah Barat yang mempunyai persamaan dengan konsep “maruah” dalam psikologi orang Melayu. Bahasa Indonesia menggunakan perkataan *marwah* yang berasal daripada perkataan Arab apabila menerangkan teori estim atau harga diri. Islam sangat mementingkan aspek menjaga harga diri bagi setiap kejadian manusia sama ada lelaki atau pun wanita. Malah, perkara menjaga maruah diri termasuk dalam lima perkara yang wajib dipelihara dalam *qawaid* Islamiyyah. Prinsip-prinsip dalam feqah iaitu memelihara kesucian dan kepercayaan beragama, memelihara kewarasan akal, memelihara keselamatan nyawa dan anggota tubuh badan, memelihara pemilikan dan harta dan memelihara kehormatan, maruah dan keturunan telah dibincangkan oleh Muhammad Yusuf dan Muhammad Rifaie (2010).

Menurut Muhammad Yusuf dan Muhammad Rifaie (2010) bahawa menjaga harga diri merupakan suatu tuntutan agama kepada semua manusia. Maruah atau kehormatan sinonim dengan makna agama. Ibn Manzur dalam menjelaskan takrifan akhlak, beliau merujuk kepada beberapa perkataan antaranya *sijjiah* (kelakuan), *adat* (perbuatan yang lazim), *muruah* (kemuliaan) dan *din* (agama) Muhammad Yusuf dan Muhammad Rifaie (2010). Jelas di sini, bahawa antara maruah dengan agama mempunyai ikatan yang erat. Seseorang yang beragama, ialah juga seseorang yang mempunyai maruah dan harga diri yang tinggi. Menjaga kemuliaan adalah sama pentingnya seperti menjaga sebuah agama. Jika runtuhnya harga diri maka runtuhlah sebuah agama Muhammad Yusuf dan Muhammad Rifaie (2010).

Menjaga harga diri dan maruah juga merupakan suatu perkara penting dalam mendidik akhlak kerana berpotensi menjadi benteng untuk menahan seseorang individu daripada tergelincir melakukan perkara-perkara maksiat yang dilarang oleh Allah SWT. Oleh itu, konsep harga diri dianggap sesuai dengan kata-kata ulama tersohor Said Hawa di dalam kitabnya bahawa :

*“Allah SWT tidak menyuruh manusia melakukan sesuatu, dan tidak pula ditegah melakukan sesuatu perkara melainkan di dalamnya terdapat hikmah dan kebaikan kepada manusia.”*

Justeru, menjaga harga diri ialah termasuk dalam perkara-perkara baik yang disuruh oleh agama dan berupaya menjaga dan menjadi benteng kepada nafsu manusia Said Hawa (1999). Disebutkan di dalam al-Quran :

وَمَا أُبْرِيْ نَفْسِيْ اِنَّ النَّفْسَ لَآ مَارَّةٌ بِالسُّوْءِ اِلَّا مَا رَحِمَ رَبِّيْ اِنَّ رَبِّيْ غَفُوْرٌ  
رَّحِيْمٌ

Maksud : *Sesungguhnya nafsu manusia itu sangat menyuruh melakukan kejahatan, kecuali orang-orang yang telah diberi rahmat oleh TuhanKu (maka terselamatlah ia dari hasutan nafsu itu). Sesungguhnya TuhanKu Maha Pengampun, lagi Maha Mengasihani.*

(Surah Yusuf: 53)

Kajian ini bertujuan memahami fenomena remaja perempuan yang terlibat dengan seks bebas dan dua soalan kajian dikemukakan seperti berikut:

- i. Bagaimanakah remaja menilai harga diri ? dan;
- ii. Bagaimanakah remaja membina harga diri ?

### METODOLOGI

Kajian fenomena ini menggunakan kaedah kajian kes dan pengkaji menggunakan kaedah pemilihan sampel bertujuan. Kajian kes ini telah dijalankan terhadap enam orang remaja berusia antara 15 hingga 18 tahun yang dikenal pasti terlibat dengan seks bebas. Remaja yang menjadi peserta kajian merupakan pelatih yang tinggal di pusat pemulihan akhlak di bawah kelolaan Jabatan Kebajikan Masyarakat. Data kualitatif menggunakan protokol temu bual mendalam dan catatan refleksi sendiri. Transkripsi temu bual secara verbatim dianalisis menggunakan analisis kandungan bagi mendapatkan pola, kategori atau tema yang muncul bagi menjawab persoalan kajian. Perisian NVivo 8 digunakan bagi membina *tree note* sebagai mewakili tema yang diberikan koding dan memudahkan pengurusan data kualitatif.

### DAPATAN DAN PERBINCANGAN

Hasil kajian menunjukkan semua remaja dalam kalangan usia yang sepatutnya menghabiskan masa di sekolah menengah namun terpaksa menjadi pelatih di pusat pemulihan. Latar belakang enam orang remaja terlibat dengan seks bebas diringkaskan dalam Jadual 1.

Jadual 1 : Latar Belakang Peserta Kajian

Peserta kajian	Umur	Umur Pertama kali terlibat	Bilangan terlibat gengan seks	Status	Latar Belakang Keluarga	Tinggal bersama semasa peristiwa	Orang yang terlibat
P1	17	13	5	Bekerja sebagai pelayan di pub	Bapa sakit dan ibu bekerja menjual di warung	Kawan dan tema lelaki	Teman lelaki
P2	15	13	3	Pelajar Tingkatan 3	Bapa tunggal	Keluarga, bapa dan adik beradik	Kawan-kawan
P3 Adik Kembar	17	14	6	Pelajar tingkatan 2	Suami isteri	Ibu bapa	Orang yang baru dikenali beramai-ramai (5 orang pada satu malam)

P4 Kakak kembar	17	14	3	Pelajar tingkatan 2	Suami isteri	Ibu bapa	Berzina dengan teman lelaki dan dirogol oleh orang yang baru dikenal bersama adik kembar
P5	15	14	Tidak ingat	Pelajar tingkatan 3	Suami isteri	Ibu bapa	Teman lelaki dan dirogol oleh kumpulan seramai empat orang
P6	18	17	4	Pelajar tingkatan 5	Suami isteri	Ibu bapa	Kumpulan seramai empat orang yang baru dikelani.

Semua kes remaja berzina dengan teman lelaki dan akhirnya terdedah kepada menjadi mangsa rogol berulang kali sama ada teman lelaki yang sama atau lelaki lain. Dalam Akta Kanak-Kanak 611 semakan 2001 mengguna pakai istilah “kanak-kanak” kepada remaja di bawah umur 18 tahun. Maka, lelaki yang menjalinkan hubungan seks dengan remaja di bawah umur 18 tahun disabitkan dengan jenayah penderaan seksual dan rogol iaitu Akta 574;138, (1997) dan Akta Kanun Keseksaan (Pindaan) 2007. Kajian di Barat juga mengaitkan dengan risiko remaja terlibat dengan seks menjadi mangsa rogol berulang oleh orang yang dikenali (Littleton, 2003).

### **Pemahaman Konsep Nilai Harga Diri**

Terdapat tiga subtema yang muncul berkaitan dengan tema pemahaman konsep nilai harga diri dan akhlak iaitu; Pertama, pemahaman tentang konsep nilai harga diri; Kedua pemahaman tentang konsep orang berakhlak; dan ketiga, kegagalan mengawal tingkah laku tidak berakhlak. Data temu bual mendalam yang dipetik daripada transkripsi berkaitan pemahaman konsep nilai harga diri dan akhlak. Contohnya, P1 hanya menyatakan maksud harga diri secara ringkas bahawa:



*“...Harga diri ar..malu ar malu kena rasa malu kot...”*

Kod: P1/MHD-K

**P1 juga menjelaskan dengan ringkas tentang ciri-ciri orang yang berakhlak seperti dalam petikan temu bual berikut:**

*“...Macam kuat iman.... sembahyang semua.. gitulah orang berakhlak...”*

Kod:P1/ MHD-OB

Seterusnya, kenyataan bahawa kegagalan mengawal tingkah laku yang dapat dikaitkan dengan pemahaman tentang harga diri, ciri-ciri orang berakhlak dan diikuti kenyataan gagal mengawal tingkah laku bahawa:

*“...Seks tu..seks bebas tu .. buat lagi, dok ikut nafsukan...”*

Kod: P1/ MHD-GKT

Peserta kajian P2 teragak-agak dalam memberikan pengertian tentang konsep harga diri dengan menyatakan bahawa:

*“...em..tentang diri kita sendiri sama ada baik ataupun tak, orang yang ada harga diri tak banyak melakukan kesalahan...”*

Kod: P2/MHD-K

Seterusnya, P2 menjelaskan bahawa tahu sesuatu yang dibuat itu tidak baik tetapi gagal mengawal tingkah laku seperti petikan temu bual berikut:

*“..Memang saya buat tak baik..saya terlibat dengan seks bebas. Lepas saya kena rogol dengan ayah dan abang tu.... kalau ayah tak buat saya, saya takkan jauh hanyut macam tu.Tapi walaupun saya macam ni, tapi saya tetap belajar pasal agama, sekolah agama, khatam Quran dah tiga kali ..”*

Kod:P2/MHD-GTK

Seterusnya, peserta kajian P3 kelihatan terpinga-pinga apabila ditanya kefahaman tentang konsep harga diri dan akhirnya menyatakan bahawa:

*“...em...em(diam seketika)...aha. kena jagalah.. jaga diri kita sendiri...”*

Kod:P3/ PHD-K

P3 pula menganggap ciri-ciri orang yang berakhlak dan tema kefahaman konsep nilai harga diri muncul serentak dengan menjelaskan bahawa:

*“...Orang yang baiklah sembahyang... tahu jaga diri (tunduk)... em.. macam tahu jaga nama baik keluarga gitu...”*

Kod:P3/ PHD-COB

Seterusnya, P3 menganggap kesilapan diri sendiri kerana melakukan kesalahan dan tidak pandai menjaga tingkah laku yang mengatakan bahawa:

*“... Sayalah yang salah tak pandai jaga diri. tak jaga maruah keluarga. dah silap nak ubah pun tak tau lah...”*

Kod:P3/ PHD-GTK

Sementara, P4 iaitu kakak kembar P3 pula menerangkan maksud harga diri seperti berikut:

*“...Menjaga maruah kita ah..em..jagalah..keselamatanlah di rilah...”*

Kod:P4/MHD-K

Di samping itu, P4 juga menyatakan ciri-ciri orang yang berakhlak seperti:

*“...Orang baik perangai... taat sembahyang gitu kot...”*

Kod:P4/MHD-COB

Seterusnya, P4 menyatakan kesilapan yang pernah dilakukan kerana kegagalan mengawal diri walaupun tahu perkara yang baik dan buruk ialah:

*“...Mm... macam kita buat tu, kita tak sedar. Lepas buat tu kita sedar, geram, cakap janji pada Allah cakap tak nak buat kan.... janji pada mak. Lepas tu dah macam kena pukaukan. lepas tu dah sedarlah. macam rasa bersalahlah bila kita keluar ikut jantan tu, buat seks pula tu. Adoi...bodoh betul (mengeleng-ngelengkan kepala)...”*

Kod:P4/PHD-GKT

Seterusnya, P4 juga mengaku tidak tahu maksud nilai harga diri tetapi bila dikaitkan dengan maruah diri, P4 mengaku pernah mendengar dan menyatakan bahawa:

*“..harga diri ? hem. tak tahu apa maksud dia...tahu tapi cam entah tak boleh nak cakap...tak reti nak cakap...”*

Kod:P4/ MHD-K

*“...ialah kata orang jaga maruah dengan harga diri... macam jaga nama baik keluarga gitu kot...”*

Kod:P4/MHD-K.

P5 juga menyatakan gagal mengawal tingkah laku bermoral sehingga terlibat dengan berzina kerana terlalu percaya teman lelaki menyayanginya:

*“...mula-mula bukan rogollah. mula-mula rela, tak terfikirilah, takut ke sebab kita kawan dah lama, sayang dia sebab rumah kita sebelah dengan rumah dia tu...”*

Kod:P5/MHD/GKT

Seterusnya, temu bual dengan P6 yang menyatakan kefahaman tentang nilai harga diri dan ciri-ciri orang berakhlak seperti:

*“..faham..maruah dirilah.. macam memalukan keluarga gitulah.... macam kena jaga nama baik keluargalah...”*

Kod:P6/MHD-K

*“...sopan santun kot.. pandai jaga diri... perangai baik gitulah orang yang berakhlak. dia kena solat, ingat Tuhan...”*

Kod:P6/  
MHD-COB

Sehubungan itu, petikan temu bual dengan P6 tentang kegagalan mengawal tingkah laku sehingga terlibat dengan kes rogol:

*“...Abang angkatlah ajak, lepas tu dia bagi mak dia telefon. Mak dia ada cakap, ajak datang rumahkan, ajak makan-makan.. kita dah percayakan dekat mak dia kan, percaya kat dia juga. Jadi beranikan diri lah nak ikut...”*

Kod:P6/MHD/GKT

Majoriti peserta kajian ini kurang jelas dengan maksud harga diri atau maruah. Meskipun begitu mereka memahami ciri-ciri orang berakhlak tetapi gagal mengawal tingkah laku kerana pengaruh kawan dan juga tidak tahan dengan godaan.

Kesimpulannya, majoriti peserta menilai harga diri mereka adalah rendah kerana kecewa dan perasaan bersalah. Kajian ini menunjukkan dapatan yang konsisten dengan kajian lalu oleh Littleton (2003). Dapatan kajian ini juga menyokong kajian lalu berkaitan perasan bersalah dengan perasaan malu yang menjadi sebatian dalam diri seperti kajian Dearing et al., (2005), Frazier (2003) dan Koss (2004).

### **Bagaimana Remaja Membina Harga Diri**

Peserta kajian hanya dapat menjelaskan secara ringkas kefahaman bagaimana membina harga diri. Peserta pertama menunjukkan kefahaman kepada harga diri sebagai "...rasa kena ada rasa malu...". Sementara peserta kedua menyatakan "tentang diri sama ada baik atau buruk dan baginya orang yang ada harga diri tidak banyak melakukan kesalahan". Peserta ketiga pula mengatakan "kena hormat diri sendiri" dan peserta keempat pula juga mengatakan "kena jaga diri sendiri". Peserta kelima beranggapan harga diri sebagai menjaga maruah dan menjaga keselamatan diri. Peserta tahu tingkah laku tidak bermoral seperti tidak menepati janji "...berjanji dengan emak tidak buat lagi (pergaulan bebas) tetapi nanti buat juga...". Minta maaf dengan emak tetapi mengulang lagi tingkah laku kerana pengaruh kawan. Dapatan kajian ini menyokong kajian lalu seperti Rubiah (2001) yang mengaitkan kegagalan menangani isu remaja terjebak dalam gejala sosial seperti perzinaan yang akhirnya dirogol kerana terdedah kepada risiko menjalinkan hubungan dengan penagih (Littleton, 2003; Mahmood, 2005).

Seterusnya, kajian ini menunjukkan semua peserta kajian lebih menggunakan nilai kerohanian bagi menjelaskan nilai yang paling penting, nilai yang akan diamalkan dan cara meningkatkan harga diri. Peserta pertama menyatakan bahawa, nilai yang paling penting ialah sembahyang dan membaca al-Quran serta nilai hormat ibu bapa dan bersopan santun. Peserta pertama menyatakan nilai diri yang boleh membina harga diri iaitu perlu insaf dan mahu berubah untuk jadi seorang insan yang berguna.

Remaja menyedari nilai kasih sayang kepada adik beradik dan keluarga yang paling penting. Di samping itu, nilai hormat-menghormat dan sembahyang juga dianggap penting. Sementara sembahyang dan berdoa serta tidak boleh cepat putus asa juga akan terus diamalkan bagi membina harga diri. Peserta menyatakan redha secara tidak langsung dengan meluahkan perasaan, walaupun tiada ahli yang datang melawatnya di TSP tetapi dia tetap akan berusaha untuk sambung belajar. Pengkaji berpendapat proses pemulihan memberi peluang pelatih menyedari kesilapan diri dan mula insaf insaf untuk mengamalkan nilai yang baik.


Hasil kajian ini menunjukkan terdapat peserta memilih nilai yang paling penting iaitu nilai jujur, berani, berterus terang dan bertanggung jawab. Seterusnya peserta menyatakan nilai hormat dan berhemah kepada orang sebagai nilai yang akan diamalkan terutama bila keluar nanti bagi mendapatkan kerja. Sementara cara yang dianggap boleh meningkatkan harga diri pula dikaitkan dengan nilai menjaga maruah diri dan mengutamakan maruah keluarga serta tercabar untuk membangunkan maruah keluarga. Remaja lebih memberi fokus kepada nilai kasih sayang dan tanggungjawab kepada keluarga sebagai nilai yang akan terus diamalkan. Sementara itu, terdapat remaja seolah-olah tidak pasti cara meningkatkan harga diri dengan mengatakan “mungkin belajar”. Remaja juga menyatakan pernah minta maaf dengan ibu sebagai menunjukkan keinsafan. Kesimpulannya, peserta kajian lebih memberi fokus kepada nilai-nilai kerohanian seperti sembahyang di samping nilai sosial seperti hormat menghormati, tanggungjawab dan insaf sebagai nilai yang dianggap paling penting. Nilai-nilai tersebut juga yang akan diamalkan dan dikaitkan dengan nilai untuk meningkatkan harga diri.

Hasil kajian yang mengaitkan bagaimana remaja meningkatkan harga diri tidak banyak ditemui. Namun kajian kes seorang kaunselor di Barat iaitu Neilsen (2005), khususnya dalam mengendalikan mangsa rogol Muslim menyokong kajian ini dalam menjelaskan bagaimana proses memaafkan diri sendiri dan meningkatkan tanggungjawab kepada usaha pemulihan secara spiritual. Al-Quran menegaskan bagaimana proses membina harga diri iaitu Allah SWT Maha penyanyang dan pengampun seperti dalam surah al-Imran, ayat 31 yang bermaksud “Katakanlah (Wahai Muhammad), Jika kamu benar-benar mencintai Allah maka ikutlah aku, necaya Allah mencintai kamu serta mengampunkan dosa-dosa kamu (ingatlah) Allah Maha Pengampun lagi Maha Penyanyang”.

قُلْ إِنْ كُنْتُمْ تُحِبُّونَ اللَّهَ فَاتَّبِعُونِي يُحْبِبْكُمُ اللَّهُ وَيَغْفِرْ لَكُمْ ذُنُوبَكُمْ وَاللَّهُ  
غَفُورٌ رَحِيمٌ

(Surah al-Imran: 31)

Kesimpulannya, kajian ini mengemukakan model membina harga diri remaja terlibat dengan seks bebas digambarkan dalam Rajah 1.



Rajah 1 : Model Membina Harga Diri Remaja Terlibat dengan Seks Bebas

## IMPLIKASI DAN CADANGAN

### Implikasi dan Cadangan Terhadap Peranan Institusi Keluarga

Hasil kajian ini mendapati bahawa remaja yang tidak bermoral seperti terlibat dengan pergaulan bebas, minum arak dan dadah berisiko tinggi terlibat dengan seks bebas iaitu berzina dan juga dirogol oleh orang yang dikenali. Statistik rogol dalam kalangan remaja yang berumur bawah 18 tahun meningkat setiap tahun. Mereka terlibat dengan seks bebas, hamil dan menjadi pelatih di pusat-pusat pemulihan kerana terjebak dalam kancang

keruntuhan akhlak yang membimbangkan seperti minum arak, dadah, pelacuran, berisiko dijangkiti penyakit seksual STIs dan HIV/AIDS.

Pertama; keluarga yang kucar-kacir seperti keluarga ibu atau bapa tunggal dan ahli keluarga yang menjadi penagih. Implikasinya, kegagalan institusi keluarga mendidik dan menerapkan nilai moral seperti tanggungjawab menjaga keselamatan diri dan harga diri. Ibu bapa gagal menjadi “*role model*” yang berakhlak dan bermoral kepada anak-anak. Kejahilan remaja terhadap dosa terlibat dengan zina secara tidak langsung adalah implikasi kepada kelemahan pegangan nilai agama oleh keluarga. Kelemahan menerapkan nilai agama dan moral oleh ibu bapa dianggap faktor penting menyebabkan isu keruntuhan moral dalam kalangan remaja. Justeru, perkara ini membawa implikasi kepada asuhan dan didikan agama yang memerlukan ibu bapa menjadi “*role model*”. Ibu bapa mesti mendisiplinkan diri dan anak-anak dengan memberikan bimbingan agama agar mereka tahu tata susila, adab pergaulan dalam keluarga. Program pencegahan dan pemulihan memerlukan peranan institusi keluarga yang mampu menerapkan nilai bertanggungjawab terhadap nilai agama bagi mengelakkan remaja terlibat dengan gejala keruntuhan akhlak yang semakin meruncing. Masalah sumbang mahram dan seks bebas mesti ditangani segera agar penyakit sosial dapat dibendung.

Implikasi kedua, mengaitkan faktor remaja terlibat dengan seks bebas juga berisiko tinggi dirogol kerana tingkah laku tidak bermoral remaja itu sendiri. Sikap ibu bapa yang tidak mementingkan nilai agama, menonjolkan nilai-nilai negatif seperti pergaulan bebas dan lebih buruk lagi ibu bapa sendiri minum arak dan suka berfoya-foya tanpa mengira waktu. Sebagai contoh, keluarga gagal memberi tunjuk ajar dan contoh yang baik, mendorong remaja menjadi lebih tidak bermoral. Nilai moral menjadi terancam dengan kemudahan teknologi maklumat yang disalah guna oleh orang yang tidak bermoral. Implikasinya, institusi keluarga memainkan peranan utama dalam mendidik dan mengawasi disiplin anak agar tidak terlibat dengan pergaulan bebas. Keluarga yang terlibat dengan penyalahgunaan dadah dan minum arak perlu diberikan pemulihan segera. Masyarakat perlu prihatin dan mengambil berat tentang isu kegagalan keluarga mengawal disiplin sehingga menjadi ikutan anak-anak dengan tingkah laku tidak bermoral. Sementara anak-anak daripada ibu atau bapa tunggal perlu diberikan bimbingan agar menjaga keselamatan diri dan diajar cara untuk membela diri mereka sekiranya didera sama ada secara fizikal ataupun seksual.

Oleh itu, kajian ini mencadangkan supaya Jabatan Agama dan Keluarga Islam mesti bergiat aktif membendung gejala keruntuhan akhlak daripada akar umbi melalui pendidikan kekeluargaan. Pendidikan secara formal dan tidak formal semestinya diberikan kepada pasangan yang mahu berkahwin

ataupun bercerai. Antara pendidikan kekeluargaan termasuklah; Pertama, kesedaran penjagaan anak-anak agar mengutamakan pendidikan nilai moral dan agama; Kedua, meningkatkan pengetahuan dan kemahiran tentang prosedur mendapatkan sokongan dan mendapat khidmat nasihat sekiranya dapat mengesan anak remaja terlibat dengan seks bebas dan berzina; Ketiga, meningkatkan kesedaran mencegah anak-anak merokok, minum arak dan mengambil dadah; Keempat meningkatkan kemahiran komunikasi positif dengan anak-anak bagi menggalakkan remaja berkongsi masalah dan membantu remaja menyesuaikan diri dalam pergaulan yang sihat; Kelima, ibu bapa tunggal juga perlu diberikan bimbingan dan peringatan tentang tanggungjawab dan amanah serta perlu mengawal diri daripada mudah terjebak dalam perlakuan sumbang mahram.

Kesimpulannya, peranan institusi keluarga merupakan usaha dan komitmen semua ahli keluarga untuk menyedari peranan dan tanggungjawab mendidik anak-anak. Peranan ahli keluarga menerapkan nilai agama adalah sangat penting termasuklah mendidik anak-anak sembahyang dan membina akhlak anak-anak bagi menjaga harga diri dan maruah keluarga untuk kesejahteraan bersama.

### **Implikasi dan Cadangan Kepada Kementerian Pendidikan Malaysia**

Remaja perempuan merupakan modal insan yang paling penting untuk mewarisi nilai-nilai agama dan moral yang baik sebagai ibu kepada anak-anak generasi masa depan. Kajian ini membawa implikasi kepada Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) yang dilihat daripada dua peranan utama iaitu; Pertama, peranan memberi pencegahan melalui penerapan nilai moral dan agama; dan kedua, peranan memberi pemulihan kepada remaja yang tercicir daripada sistem pendidikan.

Remaja terlibat dengan zina dengan pasangan kekasih pula ada yang didapati tidak menjejaskan nilai harga diri. Keadaan ini memberikan gambaran bahawa pemahaman remaja yang lemah tentang konsep nilai harga diri merupakan perkara yang paling kritikal. Implikasinya, remaja tidak mengetahui kepentingan menjaga kehormatan diri, nama baik keluarga dan tanggungjawab menjaga keselamatan diri. Oleh itu, remaja perlu dididik agar memahami dan membina nilai akhlak dan harga diri. Usaha ini menjadi cabaran besar kepada semua pihak khususnya kurikulum pendidikan formal yang belum cukup mantap dalam menerapkan nilai harga diri kepada pelajar. Implikasinya, kurikulum Pendidikan Islam dan Pendidikan Moral serta penerapan nilai murni merentasi kurikulum perlu diperkasakan lagi. Penekanan terhadap usaha memberikan pemahaman dan penghayatan tentang nilai tanggungjawab menjaga keselamatan diri dan nilai harga diri mesti bermula di sekolah rendah. Konsep tanggungjawab menjaga nama baik



keluarga, agama, bangsa dan negara mesti benar-benar meresap dalam jiwa anak-anak muda melalui kurikulum pendidikan formal dan juga gerak kerja kokurikulum. Remaja memerlukan bimbingan guru-guru untuk memberikan kefahaman dan kemahiran berfikir agar dapat membuat taakulan moral yang berkesan. Justeru, guru-guru mesti menggunakan pendekatan, strategi, kaedah dan teknik yang berkesan daripada kurikulum dan kokurikulum secara eksplisit untuk menunjukkan kepentingan menerapkan nilai-nilai murni.

Majoriti remaja berumur 15 tahun ini terlalu muda untuk melalui pengalaman trauma, hamil, dan berisiko mengalami pelbagai kesan psikologi dan penyakit yang menggelapkan kehidupan mereka pada masa hadapan. Tambahan pula majoriti mereka yang terlibat dengan seks bebas terpaksa meninggalkan bangku sekolah akibat disabitkan dengan masalah salah laku di sekolah seperti ponteng sekolah dan lari dari rumah. Remaja terpaksa meninggalkan zaman persekolahan, sebaliknya menghabiskan masa melalui kehidupan di pusat pemulihan. Majoriti hanya sempat tamat sekolah rendah malah terdapat juga mereka yang buta huruf. Implikasinya, keciciran dalam bidang akademik menyebabkan remaja berisiko terlibat dalam aktiviti jenayah seperti pelacuran.

Implikasi yang dibincangkan mempunyai kaitan dengan peranan pendidikan, maka kajian ini mencadangkan empat perkara penting kepada KPM. Pertama, memperkasakan kurikulum dan strategi pengajaran penerapan nilai dalam Pendidikan Moral dan Pendidikan Agama Islam. Penerapan nilai penting untuk membawa kembali elemen budi pekerti mulia, harga diri dan hormat diri bagi mendepan jurang antara psikologi dan falsafah seharusnya, bermula daripada sekolah rendah. Pendidikan berasaskan nilai agama amat penting diberikan penekanan sebelum kanak-kanak mencapai umur remaja bagi memupuk nilai akhlak dan moral, akal budi dan adat resam kepada anak. Guru Pendidikan Islam dan guru Pendidikan Moral serta semua guru perlu mempunyai kesedaran yang tinggi untuk menerapkan nilai merentasi kurikulum.

Kedua, disarankan guru mengaplikasikan pelbagai pendekatan yang menarik bagi membincangkan isu-isu tanggungjawab menjaga harga diri bagi menangani isu zina berasaskan nilai agama dan moral. Sekolah harus wujudkan program pencegahan secara bersepadu dalam menerapkan nilai agama, akhlak dan moral. Di samping itu, wujudkan hubungan yang erat di antara pihak sekolah, guru-guru khususnya guru kaunseling dengan ibu bapa dalam meneruskan kesinambungan penerapan nilai bagi mencegah dan memulih disiplin remaja. Program pencegahan perlu diwujudkan khususnya kepada remaja daripada keluarga ibu atau bapa tunggal yang

menunjukkan ciri-ciri berisiko terlibat dengan seks bebas. Ketiga, pendidikan psikopendidikan pelbagai dimensi yang menyepadukan pendidikan agama, nilai moral dan kemahiran hidup dijadikan sebagai program pemulihan dan pencegahan yang mesti diberikan keutamaan. Keempat, dicadangkan pihak KPM memberikan peruntukan supaya dapat dihantar guru-guru khas ke pusat pemulihan akhlak khususnya bagi menerapkan nilai agama dan moral serta guru kemahiran vokasional.

Kesimpulannya, implikasi dan cadangan terhadap peranan KPM dalam memberi pendidikan formal dan tidak formal semestinya memerlukan komitmen pihak KPM untuk memperkasakan kurikulum melalui semakan kurikulum Pendidikan Islam dan Pendidikan Moral. Di samping itu KPM perlu membuat inovasi dalam pelaksanaan kurikulum melalui pendekatan pengajaran yang berasaskan nilai. KPM juga perlu membuka peluang guru-guru khas untuk membantu JKM dalam memberikan pendidikan alternatif di pusat pemulihan akhlak. Pendidikan yang paling utama adalah untuk memulihkan dan membina harga diri remaja dengan kehidupan yang lebih bermoral dan membuka peluang pekerjaan yang membawa kesejahteraan hidup.

### **Implikasi Teori dan Cadangan Terhadap Peranan Kaunselor**

Dapatan kajian membawa implikasi terhadap peranan kaunselor adalah amat penting dalam memahami fenomena remaja terlibat dengan seks yang saling berkait dengan teori perkembangan psikologi remaja dan keluarga serta psikologi kaunseling. Teori penilaian harga diri membawa implikasi bahawa remaja masa kini menilai diri sendiri yang dipengaruhi oleh nilai moral keluarga dan rakan sebaya. Teori harga diri dan tingkah laku delinkuen menunjukkan perkaitan dengan pegangan nilai dan teori egoisme. Faktor remaja terlibat dengan pergaulan bebas berkait rapat dengan masalah keluarga yang tinggal bersama ibu atau bapa tunggal dan mempunyai adik beradik yang ramai. Remaja mencari jalan melepaskan tekanan bertindak lari dari rumah dan terdedah dengan pelbagai gejala tingkah laku tidak bermoral seperti merokok, ketagihan arak, dadah, berzina dan bekerja di pusat-pusat hiburan dan terlibat dengan seks bebas juga berisiko dirogol yang akhirnya menjadi pelacur.

Implikasi pertama kepada kaunselor adalah untuk bertindak secara profesional dalam memahami faktor hubungan remaja terlibat dengan seks, berzina, dirogol oleh teman lelaki dan rogol berkumpulan yang menyebabkan kesan psikologi yang kompleks. Kesan psikologi yang dialami oleh remaja dalam keadaan begini adalah pelbagai dan kompleks seperti perasaan hilang harga diri dan kecelaruan kognitif. Implikasi kedua, mangsa memerlukan bantuan profesional seperti kaunselor klinikal untuk memahami strategi remaja

dalam mengatasi masalah menghadapi trauma dan tekanan perasaan yang rumit. Remaja mengalami kesan psikologi kerana perasaan malu bercampur aduk dengan perasaan bersalah yang memerlukan rawatan dan menjalani kaunseling. Kaunselor mesti peka kepada tingkah laku bilazim remaja yang hamil kerana mereka berisiko mencederakan diri sendiri dan cuba membunuh diri akibat trauma dan mengalami kemurungan. Semua kesan psikologi memberikan implikasi terhadap peranan ahli psikologi dan kaunselor untuk memberi perkhidmatan yang profesional dalam melaksanakan program pencegahan dan pemulihan.

Implikasi kedua, dalam menangani remaja yang berzina tidak menunjukkan kesan berasa hilang nilai harga diri. Oleh itu, cabaran terhadap peranan kaunselor untuk memberi fokus pada usaha memulih persepsi remaja tentang konsep nilai harga diri. Peranan kaunselor penting untuk memberikan pemahaman erti sebenar nilai cinta dan pengorbanan kepada remaja yang kurang berasa hilang harga diri kerana mereka masih mengharapkan cinta daripada teman lelaki. Pemahaman sebenar erti cinta dan pengorbanan amat penting kepada remaja yang terlibat dengan seks bebas agar dapat membina nilai tanggungjawab untuk menyayangi diri sendiri dan menjaga maruah serta nama baik keluarga. Kaunselor semestinya memberikan nasihat bagi membetulkan akidah remaja yang terlibat dengan zina dengan membimbing mereka untuk bertaubat. Taubat merupakan daya tindak spiritual bagi menyucikan diri seperti yang disaran oleh al-Quran, surah at-Tahrim ayat 8, sebagaimana Nielsen ( 2005) membimbing klien yang terlibat dengan seks sebelum berkahwin.

Justeru, berdasarkan justifikasi kepada kepentingan pendidikan psikologi kaunseling iaitu; Pertama; meningkatkan pemahaman tentang bidang psikologi bilazim dan juga teknik kaunseling terapi pemulihan. Kedua; meningkatkan kemahiran dalam mengendalikan sesi kuanseling dan juga menjalankan pelbagai teknik terapi ekspresi diri seperti terapi bercerita, terapi seni, terapi melukis dan terapi muzik. Ketiga; mewujudkan rangkaian hubungan strategik dengan komuniti dan agensi-agensi lain seperti pakar psikiatri, pusat krisis atau pusat sehati untuk berkongsi maklumat tentang fenomena rogol masa kini. Agensi begini memberikan kemudahan untuk remaja yang terlibat untuk mendapatkan perlindungan. Justeru, agensi ini juga memerlukan kepakaran kaunselor dalam memberikan kaunseling pemulihan dan pencegahan. Keempat; memperkasakan kemahiran mengendalikan program pencegahan bersepadu pelbagai dimensi psikopendidikan dan psikospiritual kepada kaunselor dan bakal kaunselor. Kelima; para kaunselor perlu membina jaringan kepakaran dalam membina modul rawatan dan pencegahan bagi menangani isu remaja yang terlibat dengan seks bebas. Keenam, kaunselor perlu mahir dalam kaunseling keluarga dan membuat

konsultasi dengan agensi-agensinya yang lain bagi memantapkan program pemulihan dan pencegahan.

Kesimpulannya, implikasi terhadap peranan kaunselor yang sangat luas dan sukar untuk berperanan sendirian melainkan mewujudkan permuafakatan dengan semua pihak. Kemahiran kaunseling mesti diwajibkan kepada semua petugas khususnya ahli psikologi yang berperanan sebagai kaunselor di pusat-pusat pemulihan agar perkhidmatan kaunseling dapat dijalankan secara profesional.

### **Implikasi dan Cadangan kepada Kementerian Wanita, Keluarga dan Pembangunan Masyarakat**

Pusat pemulihan akhlak di negara ini menerima remaja di bawah umur 18 tahun berdasarkan Akta Kanak-Kanak 2001 (Akta 611) dan bilangan mereka semakin meningkat setiap tahun. Kajian ini telah mengenal pasti bahawa dalam kalangan remaja terdapat mereka yang menjadi pelatih berulang atau *relapse*. Implikasinya, remaja belum pulih sepenuhnya apabila dibebaskan ataupun kegagalan keluarga mengawal tingkah laku remaja kerana kurang disiplin, nilai agama dan moral keluarga yang lemah.

Program pemulihan yang dianggap berkesan oleh peserta kajian merupakan pendekatan agama melalui aktiviti solat lima waktu, solat taubat dan solat-solat sunat yang lain kerana memberikan ketenangan semasa tinggal di TSP. Implikasi positif ini merupakan usaha JKM di TSP dalam program pemulihan. Namun TSP memerlukan ustazah sepenuh masa yang mengajar membaca al-Quran dan fardu ain kepada pelatih yang semakin bertambah. Ustazah amat diperlukan untuk memberi tumpuan khusus kepada mereka yang tidak tahu membaca al-Quran dan tidak pandai sembahyang. Penerapan nilai agama dan memberi kemahiran beribadah kurang berkesan oleh ustazah sambilan yang datang untuk mengajar kerana kekangan masa dan pengalaman memberikan pendidikan secara amali.

Implikasi kedua mengaitkan pendidikan kepada pelatih di TSP yang terpaksa menamatkan persekolahan setelah menjadi penghuni di TSP terutamanya mereka yang hamil. Sebilangan kecil daripada mereka berpeluang bersekolah di beberapa buah sekolah yang berdekatan. Namun mereka berhadapan dengan pelbagai masalah disiplin seperti lari dari sekolah dan membawa masuk benda-benda yang dilarang seperti rokok ke pusat pemulihan.

Implikasi ketiga dikaitkan dengan remaja yang tinggal dengan status perlindungan atas permintaan keluarga iaitu remaja hanya tinggal sementara kerana hamil dan sebelum melahirkan anak. Asrama TSP menjadi tempat persinggahan sementara dan masa yang singkat untuk menjalani pemulihan

menyebabkan remaja tidak sempat untuk insaf dan pulih. Akibatnya, remaja mengulangi perbuatan tidak bermoral tanpa berasa kesal dan insaf. Remaja berisiko untuk hamil lagi dan menjadi pelatih berulang.

Sehubungan dengan itu, kajian ini menyarankan enam cadangan ke arah memperkasakan lagi peranan KPWK dan JKM dalam menjalankan program pemulihan ialah, Pertama; melantik lebih ramai kaunselor yang juga mempunyai latar belakang agama di samping bertauliah dalam bidang kaunseling serta mempunyai kemahiran untuk remaja dan keluarga. Kedua; melatih lebih ramai ustazah yang bertauliah untuk menjadi tenaga pengajar sepenuh masa bagi meningkatkan lagi keberkesanan bimbingan dan pengajaran agar pelatih benar-benar dapat menghayati agama Islam, insaf dan bertaubat. Ketiga; menyediakan kemudahan guru akademik untuk mengajar pelatih yang hamil bagi persediaan mengambil peperiksaan PMR dan SPM di TSP. Sementara mereka yang tidak hamil berpeluang belajar di TSP bagi mengelakkan pelatih terdedah kepada masalah disiplin. Keempat; meningkatkan kualiti pendidikan vokasional dengan menyediakan tenaga pengajar yang terlatih dalam bidang kemahiran seperti tamu saji, jahitan dan juga bidang-bidang lain yang boleh disesuaikan bagi menyediakan pelatih peluang pekerjaan. Kelima; memanjangkan tempoh masa menjalani program pemulihan kepada remaja yang melahirkan anak dengan program pendidikan agama dan juga program pendidikan keibuan kerana mereka merupakan remaja yang paling berisiko menjadi pelatih berulang. Keenam; mewujudkan atau menambah bilangan jururawat untuk membimbing dan merawat pelatih khususnya kepada mereka yang hamil.

Kesimpulannya, dalam usaha memulih dan membina modal insan golongan remaja, pihak KPWK dan JKM memerlukan peruntukan kewangan yang banyak. Peruntukan diperlukan bagi menampung keperluan perkembangan sumber tenaga dan kemudahan bagi meningkatkan perkhidmatan bukan sahaja untuk perlindungan dan pemulihan malah bagi program pencegahan. Tanggungjawab memberi bimbingan kepada remaja supaya menjauhi zina seperti firman Allah SAW dalam al-Quran, Surah al-Isra' ayat 32 yang telah dihuraikan sebelum ini.

### SARANAN KAJIAN LANJUTAN

Kajian ini menyarankan kajian lanjutan memberi fokus kepada mengkaji pendekatan intervensi permuliharaan kepada remaja yang terlibat dengan aktiviti seks bebas bagi membina model intervensi secara bersepadu. Kajian seterusnya juga harus memberi penekatan kepada meneroka pendekatan yang digunakan bagi menjalankan aktiviti pencegahan kepada remaja yang berisiko tinggi terlibat dengan seks bebas dan buang bayi.

### KESIMPULAN

Dapatan kajian menunjukkan kefahaman mangsa rogol dalam konsep harga diri adalah kurang jelas malah masih ada yang tidak faham. Remaja yang ditemui dalam kajian ini bukan sahaja merasa hilang harga diri malah timbul juga perasaan bersalah, malu dan marah pada diri sendiri serta kecewa. Kesannya psikologi kepada mangsa dalam proses pemulihan terhadap pembinaan harga diri diakui boleh dibina dengan menyedari dan mengamalkan nilai-nilai penting seperti nilai sosial iaitu menyesal, insaf dengan meminta maaf dengan emak dan ayah, bertanggungjawab, menghormat ibu bapa dan orang tua.

Justeru, nilai bersyukur dan memaafkan adalah merupakan nilai yang penting dalam proses membina keyakinan diri seperti apa yang dikatakan oleh kajian lalu dalam menggunakan pendekatan spiritual dalam proses pemulihan. Di samping itu, mengamalkan bersembahyang dan mengaji al-Quran dengan memahami maksudnya amat membantu meningkatkan harga diri. Program pemulihan secara profesional yang melibatkan pelbagai dimensi psikopendidikan didapati memberikan kesan positif kepada pemilihan harga diri dan usaha meningkatkan harga diri. Kaunseling berteraskan penenaran nilai moral seharusnya dilengkapi dengan perkhidmatan sokongan kepada keluarga dan komuniti dalam membantu remaja membina harga diri sebagai modal insan yang penting kepada kesejahteraan sistem keluarga masa depan.

### RUJUKAN

- Al-Quran Terjemahan Bahasa Melayu. (2012). Kajang: Masar Enterprise.
- Ahrens, C.E., Cabral, G. & Abelling, S. (2009). Healingn or hurtful: Sexual assault survivors' inteoretations of social reaction from support providers. *Psychological of Women Quarterly* 33: 81-94.
- Aswati Hamzah. (2007). Satu kajian skima taakulan akhlak dalam kalangan pelajar Melayu. Tesis Dr. Fal. Fakulti Pendidikan. Universiti Sains Malaysia.
- Coopersmith, S. (1967). *The Antecedents of Self-Esteem*. San Francisco: W.H. Freeman and Company.
- Dearing, R.L., Stuewig, J. & Tangney, J.P. (2005). On the importance of distinguishing shame from guilt: Relations to problematic alcohol and drug use. *Addiction Behaviors* 30: 1393-1404.
- Djike, M. & Oatley, K. (2004). Love and personal relationship: Navigating the border between the ideal and the real. *Journal for Theory of Social Behavior* 34:199-209.
- Frazier, P.A. (2003). Perceived control and distress following sexual assault: A longitudinal test of a new model. *Journal of Personality and Social Psychology* 84(6): 1257-1269.

- Jas Laile Suzana Jaafar. (2005). Tekat keagamaan (*religiosity*) dan motiwasi sosial seks sebelum nikah di kalangan remaja Melayu. Dlm. Roziah Omar & Sivamurugan Pandian (Pnyt.). *Malaysia Isu-Isu Sosial Semasa*, hlm.27-40. Kuala Lumpur: Institut Sosial Malaysia, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat
- Littleton, H.L. (2003). *The coping process of the unknowledged rape victims*. Tesis Ph.D. Faculty of Virginia, Polytecnic Institute.
- Kamal Affendi Hashim. (2010). Laporan kejadian rogol untuk keadilan diri. *Berita Harian*, 7 Mei: 23.
- Koss, M., Figueredo, A.J. & Prince, R. (2002). Cognitive mediation of rape's mental, physical, and social health impact: Test of four models in cross-sectional data. *Journal of Counseling and Clinical Psychology* 70(4): 926-941.
- Lee, L.K., Chen, P., Lee.K. & Kaur. J. (2006). Premarital sexual intercourse among adolescents in Malaysia: A cross-sectional Malaysia school survey. *Singapore Med. J.* 47(6): 477-481.
- Mahmood Nazar Mohamed. (2005). Kemurungan di kalangan penagih dadah wanita. *Jurnal Psikologi Malaysia* 19(7): 43-56.
- Muhammad Yusuf Khalid & Muhammad Rifaie Mohamad Amin. (2010). *Madkhal lidirasat al-Akhlak wa al-Tasawuf*. Kuala Lumpur: Fajar Ulung. Hal. 11
- Mohd. Kamal Hassan. (2008). Pendekatan Islam hadhari. Keutuhan budaya dan moral: Prinsip ke lapan. *Siri Islam Hadhari Menuju Kemajuan Ummah*, hlm. 1-12. JAKIM: Kuala Lumpur.
- Mudassir Anwar, Syed Azhar S Sulaiman, Keivan Ahmad & Tahir M Khar. (2010). Awareness of school students on sexually transmitter infections (STIs) and their sexual behavior: a cross-sectional study conducted in Pualau Pinang, Malaysia. *BMC Public Health* 10(47): 1-6.
- Nielsen. S.L. (2005). A Mormon rational emotive behavior therapist attempt Qura'nic rational emotive bahavior therapy. Dlm. Richards. P.S & Bergin.A.E(pnyt.). *A Case Book for a Spiritual Strategy in Counseling and Psychotherapy*, hlm. 213-230. Washington D.C: American Psychological Association.
- Rubiah K. Hamzah. (2001). *Teknik dan strategi membimbing remaja: menghadapi cabaran*. Kuala Lumpur : PTS Publications and Distributions Sdn. Bhd.
- Roland, C.E. & Foxx, R.M. (2003). Self-respect: A neglected concept. *Philosophical Psychology* 16(2): 247-287.
- Rosenberg, M.(1989). *Society and the Adolsecent Self-Image*. Middeltown, CT: Wesley University Press.
- Said Hawa. (1999). *Tarbiatuna al-Ruhiyyah*. Mesir: Darussalam. Hal.74
- Salhah Abdullah & Ainon Muhamad. (2008). *Guru Sebagai Mentor*.Kuala Lumpur: PTS Publication and Distributors.

- Salhah Abdullah. (2012). Harga diri, kecelaruan kognitif, kemurungan, nilai moral dan strategi daya tindak remaja mangsa rogol. Tesis Ph. D. Fakulti Pendidikan, Univerisit Kebangsaan Malaysia.
- Star. (2012). *Teen mums on the rise*. 22 September 2012. Hal. 1.
- Undang-Undang Malaysia. (2007). *Akta A1303 Akta Kanun Kesekseaan (Pindaan) 2007*. Kuala Lumpur: Percetakan National Malaysia Berhad.
- Zulkifli, S.N & Low, W.Y. (2000). Sexual practice in Malaysia: determinants of sexual intercourse among unmarried youths. *J. Adolesc. Health* 27(4):276-80.
- Zurbriggen, E.L., Gobin, R.L. & Fried. J.J. (2010). Childhood emotional abuse predicts late adolescent sexual aggression perpetration and victimization. *Journal of Aggression, Maltreatment & Trauma* 19:204-233.